Title	Adat istiadat dan budi bahasa
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © Muhammad Ariff bin Ahmad

ADAT ISTIADAT DAN BUDI BAHASA

1. ADAT KAHWIN:

    1. Merisek: Bila sudah terpandang mata dan terkilan di-hati akan yang di-tendaikan sa-boleh2-nya pehak laki2 mengambil cham ada-kah dari orang baik2 atau yang sudah boleh buat ibu-kah? Bila tetap tiada dua lagi dan adzam yang dia itu bakal kongsi hidup, baharu-lah mereka beritahu kapada kerabat.

    Ketua kerabat pula ambil tanggongjawab akan menyiasat atas: bangsa, rupa, ugama, kekayaan dan kebolehan-nya, supaya dalam perkongsian mereka kelak maju bahagia: mudah2an ada setia-nya sebab berbangsa. Tetapi hati tidak kelain sebab rupa-nya memadai aman dan damai kehidupan sebab berugama membawa sesuai beroleh tenang dan sejahtera sebab ada harta jamin diri dan ada kebolehan tertinggi-lah maruah diri-nya suami isteri nanti.

    Ketika ada keyakinan dan kemahuan yang sama antara pehak laki2 baharu-lah mengambil kenal biasa dan merisekan kapada siapa ketua penjaga anak perantin itu dan kapada ketua kerabat-nya. Pehak perempuan sechara kiasan sindiran yang mana boleh meneruskan maksod-nya. Bahasa bergurau2 senda mengambil satu tujuan.

    2. Meminang: Sa-sudah di-dapati alamat sama setuju umpama batang tiada yang melintangi chinchin tanda oleh emak bapa pehak laki2 dengan sa-tahu ketua kerabat-nya, jika hendak berlambatan. Ada pun jika hendak bersegera terus di-tunda dengan naik sa-paroh belanja untok menetapkan haribulan kerja kahwin untok nikah.

    3. Menghantar Belanja: Biasa-nya belanja kahwin yang di-hantarkan ikut suka hati yang di-dapati sa-faham antara kedua pehak ibubapa bakal pengantin itu, sa-paroh boleh, semua sekali pun jadi. Adat Temenggong atas kadar rupa keadaan yang di-pinang itu. Adat Perpateh atas yang di-tetapkan (tiada boleh turun naik melainkan rata adil).

    Yang mustahak-nya penghantar belanja suatu rombongan ketua kampong atau ketua solok. Kerana sa-balek-nya pun yang menanti pehak perempuan pun ketua2an kampong dengan anak2 buah-nya juga.

    Ketua rombongan yang datang berkuasa penoh atau menyerahkan belanja2 yg ada dengan jelas-nya chara bahasa “Menghantar belanja” yang memuaskan majlis menghantar belanja itu.

Makan sireh berpinang tidak	@	Bergambir sahaja tidak serasa
Makan sireh kenyang tidak	@	Kadar budi dengan bahasa

Ketua rombongan yang menanti untok menerima “belanja yang di-hantar” itu sayugia-nya lebeh bagus cheramah-nya dan jelas kewajipan-nya, menerimakan de-ngan chara “bahasa menerima belanja kahwin sa-mata2” memuaskan hati pehak yang datang sechara chakap peramasan.

Sireh sa-gagang kelat	@	Pinang sa-kachip dua buah
Boleh di-pegang janji di-buat	@	Kata janji tidak berubah

umpama-nya jawab janjian2 adat atau janjian2 muafakat di-antara pehak ibubapa laki2 and pehak ibubapa perempuan, untok mengawaskan dari fitnah kalau berbangkit dalam adat kahwin yang di-perkatakan ini.

Chontoh janji adat: Di-tuntut oleh ketua rombongan yang datang kapada pehak ketua rombongan yang menanti.

Jika kelalaian menjaga anak tunang orang di-ambil oleh laki2 yang lain atorannya pehak perempuan neschaya kena ganda belanja yang di-terima. Jika dia men-dapatkan tunangan bakal suami-nya kerana menyelamatkan fitnah diri-nya berma’ana-lah dia menjemput baki belanja.

Jika ia beroleh geroh: terkechil, luka, hilang sa-kerat jari, ikut suka sama suka persetujuan antara kedua pehak neschaya berma’af2an sahaja.

Jika kemalangan salah sa-orang neschaya sa-paroh daripada wang belanja tadi buat menyelamatkan yang malang. Sakit pening, sawan gila, luar janji. Sayugianya ketua pehak perempuan patoh atas janji yang ada tersebut. Doa selamat di-bachakan.

4. Berinai: Pengantinlaki2 di-jemput oleh pehak perempuan, di-arak ka-rumah perempuan. Di-naikan di-atas pelamin. Di-adakan istiadat chara berinai - lepas sa-orang sa-orang daripada kaum kerabat kedua belah pehak yang suka menarikan inai atau menginaikan sahaja. Perempuan pula ambil giliran berinai – yg demikian sa-malam sahaja – yang usaha membuang masa sampai tiga malam berinai. Buat baik berpada2 – ulat bulu panjat durian. Berinai ini jika di-tinggalkan tiada-lah mengambil meriah konon.

5. Berarak: Bersuara ramai2 dengan rebana keras atau rebana kampong – bunga api – bunga kondil – isin jogan – api lampu yang banyak, bergotong royong ka-rumah pehak perempuan. Tujuan-nya hendak pergi ‘akad nikad atau berinai.

Guna-nya segala2 ini jadi tauladan kapada pemuda2 yang sabaya dan kapada pemudi2 yang belum kahwin. Dan merupakan kemampuan yang punya anak dapat mengahwinkan anak-nya sechara adat beristiadat. Sa-patut-nya yang kahwin itu pula buatkan bagitu jora yang dia beroleh anak nanti. Hutang jamu bayar dengan jamuan. “Gotong royong” – Pesta tenaga kebolehan sa-sa-orang dalam masharakat hidup.

6. Bersanding: Masok pintu gerbang perdamaian, sampai berhantar masok berpimpin ka-kota perdamaian. Dudok atas pelamin, yang laki2 sa-belah kanan ini-lah saat-nya kedua pengantin itu di-gelar “Sa-kelamin” dan akan di-panggil “Mempelai Taniah” yang mengandong nasehat larang pantang perkongsian, orang baharu ini di-tamatkan dengan memulai “bersuap2an”.

Jika tiada majlis bersanding ini tiada-lah lahir dalam kesukaan rasa2 ta ‘pulang puleh semangat kesukaan tiap2 sa-orang “Yang bergotong royong itu”. Kadang2 ada juga geli geman ta ‘sukakan bersanding, sebab malu atau ibu kaki ta ‘tahu menguit, kebolehan sempang titi kemahuan-nya senget.

Lepas bersanding kena masok bilek selesai-nya dengan kedua pengantin menyembah kapada kerabat2 kedua pehak.

7. Mandi manda: Tiada sayugia-nya di-peristiadatkan…….Pulangkan pada mempelai sendiri atas wajib-nya atau sunat-nya.

8. Menyembah: Bertujuan menanggok derma2 penyembahan daripada kaum kerabat yang di-apanggil atau yang bertujuan minta di-nasehatkan kapada kedua pengantin itu. Perkara ini patut di-mansohkan, kerana pada mana2 masa lain boleh menderma dan menasehat. Merintangkan masharakat. “Bagai rusa besar tandok daripada kaki”.

9. Memberi hadiah: Memadai pada sa-belum atau hari berjamu itu, tiada apa2 alangan pada yang memberi dan yang menerima daripada benda atau wang tunai (tanda ingat, tanda hidup, tanda chenderamata dan sagu hati) Hidup di-kandong adat, mati di-kandong tanah (ibadat).

10. Bertandang dan sa-bagai-nya: Mustahak menghubongi silatur rahim, membaharui simpulan muhibbah antara kerabat sechara sederhana. Adat membawa buah tangan (paha atau bokor nasi kunyit panggang ayam) itu atas usaha dan kebiasaan. Kalau ta 'biasa jadi keberatan dan ejekan.

Keramaian bertandang di-rumah ibubapa pengantin laki2 itu di-hiburkan dengan "bachaan maulud nabi atau berjanji" itu sunat membawa kebajikan kalau chara ibadat; tetapi kalau sechara adat bermegah2 menempa bala la'anat. Kalau berbelanja dengan tiada ikhlas neschaya chedera dan sia2 perchuma.

2. ADAT BERSALIN:

1. Melenggang Perut: Ini-lah satu chara kesenian Melayu. Chara menentukan sempena baik kapada yang sulong hamilan-nya Hari melenggang itu maksod-nya – Emak bidan menjalankan siasatan-nya atas kandongan. Biasa-nya di-adakan pada bulan yang ketujoh. Mengetahui yang di-kandongi-nya itu awang atau dayang.

Mengambil sesuai di-antara bidan dengan Si-hamil itu, dalam perkara menyelamatkan diri, bersalin dan mendidek anak dan lain2 perkara kesukaran.

Di-tempat yang tiada bidan yang mahir yang boleh menanggongjawab pada menyelamatkan orang bersalin, lebeh baik dapatkan pertolongan bidan di-clinic atau di-hospital; tetap dapat pertolongan di-sana.

2. Berchukor: Berchukor anak chara ibadat. Pada hari yang ketujoh lahir-nya anak itu, jika laki2 di-potong dua ekor kambing untok menjamu fakir miskin. Di-chukor sa-banyak rambut budak itu, emas atau perak di-sedekahkan. Anak yang perempuan memadai sa-ekor kambing sahaja dengan nama sembeleh AKEKAH juga.

Pada yang tiada hendak berbuat demikian, tiada-lah mendapat sunat dan terpelihara yang di-chukor itu dalam peliharaan Allah Ta'ala.

3. Turun Tanah: Ini tiada perkara, kadar chara salam menyalam dan ajar mengenal dengan bumi Allah. Yang di-perkarakan hendak-lah anak itu dalam mendengar kata dua ibubapa-nya dan dalam tempat pelajaran yang menafa'at.

4. ADAT BERLADANG:

1. Memulehkan tanah: Maksod-nya meminta dengan sangkaan yang baik kapada yang berkuasa. Ini sa-barang bangsa dan sa-barang ugama dan adat kesenian-nya. Chara kemahuan sedap hati masing2. Rata….Berbaja…..Ada tempat ambil ayer, dan dengan jalan keluar masok dan sa-bagai-nya.

2. Menabor beneh: Waktu ini mana niat yang baik, kata2 yang baik, rayuan2 dan janji2an yang menasabah. Beneh ini di-tabor di-semaikan kerana Allah di-pohonkan banyak berzakat dengan berkat yang berganda2 untok umat Nabi Muhammad beribadat kapada Allah banyak2 --- menyelenggarakan-nya pun dengan niat zakat dan lain2.

Sampai masa mengetam pun puji2an saperti menunjok anak chuchu yang amat di-sayangi dengan pujok rayu beryang2 sambil menjunjong membawa pulang di-tempat dalam lobok jelapang-nya, dengan hormat-nya pada edaran kali yang mula2-nya. Yang kemudian-nya turut di-selesaikan sahaja-lah menunai janji zakat kapada miskin dan sa-bagai-nya, di-jelaskan.

5. ADAT MENDIRIKAN RUMAH: Masing2 bangsa dengan masing2 chara-nya:

1. Menchari tapak rumah: Sa-boleh2-nya di-kehendaki dekat masjid, dekat orang ramai, dekat sawah padi dan anak sungai, dekat hubongan jalan raya, keluar dengan batang jalan atau batang sungai atau pantai, tanah yang rata, udara yang berseh dan terkaya dengan sinaran matahari.

2. Menyemah tapak rumah: Sa-boleh2-nya dekat dengan ayer perigi yang baik, rata subor dengan tanam2an, berpadang rumput untok peliharaan, lapang udara berseh, jika terhimpit berbukit, tersepit neschaya fikiran sempit konon. Asalkan sedap hati, pukal fikiran bakal tuan rumah pada tapak rumah itu memadai-lah.

3. Mendirikan rumah: pada hari dan sa’at mendirikan rumah itu sayugia-nya di-hadhirkan orang saleh2 di-harapkan do’a-nya di-ikut orang ramai. Mudah2an pendudok-nya kaya raya aman sejahtera chara memborongkan hanya terima kaseh, naik basoh kaki atas sa-buah rumah baharu. Yang bagitu harus tiada berkat konon.

4. Chara memulehkan rumah: berma’ana mendamaikan segala kayu2, batu2 dan sa-bagai-nya, satu perumahan itu supaya bersuka2an merayakan bertuankan tuan rumah yang baik hari kapada hamba Allah dan kapada umat Nabi Muhammad s.a.w. mudah2an rumah itu layak dan sesuai kapada ahli rumah dalam berbakti kapada Allah dan Rasul serta raja-nya.

6. SAKIT DAN KEMATIAN: Mengikut perbilangan masharakat yang tua2: tiap2 sakit di-ubat, tiap2 mati di-tanam.

1. Sakit di-ubat: Mengikut suka hati ikhtiar yang sakit dengan kerabat2nya atau pada yang suka menolongi orang yang sakit. Sakit yang daripada bersala2an udara panas sejok yang biasa, umpama denam, batok, sakit perut dan lain2 pakai-lah ubat doktor.

Sakit yang ganjil2 saperti patah, batok kering dan sa-bagai-nya berubat-lah ka-hospital. Sakit yang tiada ubat-nya di-hospital boleh jadi ada tabib khas-nya. Jaga-lah belalang mengaku diri-nya helang. Awas-lah – bukan dukun dan pawang sahaja yang boleh menyembohkan penyakit, berikhtiar dan ber-pantang itu pun ubat juga.

2. Mati di-tanam: hari di-kebumikan mayat itu di-sebut juga turun ka-tanah. Mengikut adat lama, mahu-lah warith si-mati dudok berbilang mengadakan sambutan kenduri kendara:

(a) Hari turun tanah.
(b) Meniga, menujoh, dua kali tujoh, empat puloh, meratus.
(c) Menaikkan nisan dengan chara istiadat.

Kadang2 jadi kapada ketua2 puak yang kuno sa-mata2 mendzalimkan harta anak yatim oleh sebab memboroskan atas belanja ikut adat resam. Boleh jadi ber-jual atau bergadai sebab malu konon. Yang bagitu jika di-halusi neschaya di-dapati sia2 membuang. Mengikut adat yang terpakai chara Islam sa-lama ini. Wajib atas yang hidup kerabat-nya menyelesaikan atas yang mati itu di-mandi, di-kapankan, di-sembahyangkan dan di-tanamkan. Adapun chara kenduri dan naik nisan itu chara harus di-buat atas kadar hajat yang berpada2 dan berpadan sa-kuasa warith si-mati asakan jangan menggangu hak orang lain.